

# Pengeluaran KWSP lebih tinggi tampung kos haji

**Kuala Lumpur:** Kerajaan disyorkan mempertimbang cadangan mengeluarkan simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang lebih tinggi bagi menampung kos haji, berikutan kebenaran ketika ini hanya RM3,000.

Cadangan itu wajar diperhalusi berikutan pengeluaran yang dibenarkan masih terlalu kecil untuk membantu bakal jemaah menampung keseluruhan peningkatan kos dengan ketara.

Pakar kewangan Islam, Dr Zaharuddin Abd Rahman, berkata pengeluaran simpanan hari tua itu wajar dinaikkan sehingga RM15,000 memandangkan haji itu berkaitan persaraan dan wajib bagi mereka yang mampu.

"Saya fikir jumlah maksimum pengeluaran untuk haji wajar ditambah kepada RM10,000 atau RM15,000 disebabkan peningkatan kos haji dan haji itu sendiri berkaitan dengan persaraan."

"Ibadat haji kewajipan bagi mereka berkemampuan termasuk mempunyai wang dalam KWSP, sekali gus simpanan mereka boleh membantu menampung kos."

"Kita juga menggalakkan seorang itu menuaikan rukun haji sebelum usia 55 tahun kerana keperluan ibadah haji memerlukan kesihatan tubuh yang baik dan kebiasaan tahap kesihatan mereka lebih berusia

**Pengeluaran simpanan hari tua itu wajar dinaikkan sehingga RM15,000 memandangkan haji berkaitan persaraan dan wajib bagi mereka yang mampu.**

**Zaharuddin  
Abd Rahman,**  
Pakar kewangan  
Islam



rikutan menunggu sehingga pengeluaran dana persaraan dibenarkan.

"Dengan usia semakin menua dan tahap kesihatan merudum, seseorang bakal haji itu juga terpaksa bersedia dengan lebih kos lain berkait perubatan."

"Jika pengeluaran disekat dan dihadkan kepada RM3,000, ahli yang ingin menggunakan wang simpanan KWSP bagi menuaikan haji terpaksa bersedia dengan lebih kos lain berkait perubatan, berikutan tahap kesihatan semakin menurun," katanya.

sudah menurun," katanya.

Bantuan Kewangan Haji tahun ini yang ditanggung Lemba Tabung Haji (Tabung Haji) dijangka meningkat kepada RM350 juta berikutan kos melaksanakan ibadat haji bagi seorang muassasah tahun ini meningkat sebanyak lapan peratus kepada RM33,300 berbanding RM30,850 pada tahun lalu.

Tahun ini, TH memperuntukkan bantuan kewangan haji sehingga 63 peratus daripada kos haji untuk golongan B40, 42 peratus bagi M40, manakala jemaah daripada T20 perlu membuat bayaran penuh, iaitu RM33,300 seperti tahun lalu.

Ini bermakna seorang bakal haji Muassasah kumpulan B40 yang kali pertama menuaikan ibadah itu ditetapkan pada RM12,356, manakala RM19,152 bagi kumpulan M40.

Menjelaskan lanjut, Zaharuddin yang juga Pengarah Urusan Elzar Shariah Sdn Bhd, berkata jika kerajaan mengehadkan pengeluaran hanya RM3,000, semakin ramai tidak dapat menuaikan ibadah, be-

## Peningkatan kos haji

Senada dengan pandangan itu, Pengarah Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA), Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, turut berpendapat KWSP boleh mempertimbang had pengeluaran Akaun 2 sedia ada RM3,000 dinamik.

"Hal ini bagi mempertimbang peningkatan kos dengan mengambil kira faktor bayaran haji meningkat ketara, terutama bagi bakal jemaah M40 dan T20."

"Jika pengeluarannya dinamik, ia tidak akan menjaskan simpanan hari tua pencarum kerana pengeluaran daripada akaun 2. Kebanyakan ahli yang mahu mengeluarkannya sudah mempunyai simpanan persaraan mencukupi."

"Kumpulan B40 menerima bantuan haji yang tinggi daripada TH dan tidak perlu mengeluarkan jumlah yang banyak dari akaun 2 KWSP. Lagipun ibadat haji ini hanya untuk mereka yang mampu," katanya.